

MINGGUAN: Apakah asas yang menyebabkan Datuk Seri berpuas hati dengan pencapaian prestasi awal kad laporan PIPP ini?

HISHAMMUDDIN: Pertama, setakat ini saya dapat melihat pelbagai projek dan program yang dirancang bukan sahaja yang melibatkan projek-projek infrastruktur baru, perolehan perkakasan, program-program pendidikan, pengenalan insentif-insentif baru, pertambahan jawatan-jawatan baru dan banyak lagi yang disenaraikan dalam pelan induk kementerian telah dilaksanakan dan mengikut jadual. Kedua, dalam konteks pembangunan fizikal, selain daripada 4,639 atau 27.7 peratus projek infrastruktur baru, sebenarnya kita juga melaksanakan 97 peratus atau 432 projek sambungan Rancangan Malaysia Kelapan (RMK-8) yang mempunyai kompleksiti tersendiri tetapi mahu tidak mahu masih perlu kita laksana dan juga sedang melaksanakan sejumlah 1,823 projek lagi yang melibatkan semua peringkat pendidikan dari peringkat prasekolah, rendah dan menengah hingga matrikulasi dan pendidikan guru.

Jika mengambil kira pelbagai bentuk projek dan program yang telah dilaksanakan, boleh dikatakan kita agak berjaya dalam memenuhi sebahagian besar sasaran Petunjuk Prestasi Utama (KPI) lebih-lebih lagi jika mengambil kira RMK-9 hanya diluluskan Parlimen pada Mac tahun lalu dan pelan induk kita hanya dilancarkan pada 16 Januari tahun ini. Tahun lepas boleh dikatakan banyak masa dihabiskan untuk kerja-kerja merancang pelaksanaan seperti proses melantik agensi pelaksana, penentuan kaedah pelaksanaan, penyemakan skop kerja, penyediaan reka bentuk termasuk juga penyusunan semula keutamaan projek. Walaupun ada sesetengah projek yang telah dirancang pada 2006, boleh dikatakan pelaksanaannya hanya mula giat awal tahun ini. Mungkin di peringkat permulaan ini nampak sedikit perlahan, lebih-lebih lagi kerana dalam melaksanakan PIPP ini, ia menuntut kefahaman mendalam di kalangan semua warga kementerian di semua peringkat. Bagaimanapun nampaknya momentumnya sudah semakin meningkat.

Datuk Seri menyebut ada projek di bawah RMK-8 yang masih tidak dapat dilaksanakan. Apa sebenarnya isu yang dihadapi?

HISHAMMUDDIN: Itu masalah sekolah-sekolah sakit dan 'sakit' juga kita hendak menanganinya. Masalah-masalah berhubung kait dengan ketidak-sesuaian tapak, kadang-kadang tapak sekolah di atas paya, sekolah dibina dengan harapan pihak swasta dapat melakukannya, tetapi syarikat itu sudah bangkrup dan sekolah tidak siap. Perkara-perkara begitu terpaksa kita tangani. Pun begitu 97 peratus (masalah) dapat diselesaikan. Ini bagi saya melegakan. Saya terpaksa menghadapinya kerana projek-projek itu telah pun diputuskan, saya hanya mewarisinya.

Adakah masalah-masalah 'yang diwarisi' ini akan memberi kesan kepada pelaksanaan PIPP?

HISHAMMUDDIN: Tidak. Jika kita lihat di peringkat awal dulu timbul isu makmal komputer bocor dan sebagainya, semua itu sudah tidak dengar lagi. Kontraktor-kontraktor yang tidak menjalankan amanah telah disenaraihitamkan. Dalam kita hendak memikir ke hadapan, kita kena pastikan semuanya ini dapat dilaksanakan dahulu. Kita belajar daripada pengalaman-pengalaman pahit.

Dalam konteks 'belajar daripada pengalaman pahit', dahulu banyak projek yang siap tanpa pemantauan di peringkat awal. Apa jaminan untuk memastikan masalah ini tidak berulang?


HISHAMMUDDIN: Kita telah menubuhkan jawatankuasa-jawatankuasa dari segi pemantauan. Selain itu, kelebihan PIPP ini juga kerana melibatkan semua pihak yang berkepentingan sebagai 'mata dan telinga' kita. Bukan sahaja pemantauan daripada kita, tetapi pihak media dan wakil-wakil rakyat juga membantu. Kita juga meminta badan-badan bukan kerajaan (NGO) seperti alumni, Persatuan Ibu Bapa dan Guru untuk membantu. Jadi, dengan pengembangan ini, saya harap sedikit sebanyak dapat membantu kita memastikan projek-projek yang dianggap 'sakit' atau tidak sesuai, tidak berulang.

Pelaksanaan PIPP menuntut kefahaman mendalam. Setakat ini, adakah mereka yang terlibat secara langsung terutama warga pendidik sendiri faham apa yang ingin dijayakan?

HISHAMMUDDIN: Saya rasa mereka sudah faham. Dalam kita hendak menggubal PIPP, kita tidak melakukannya sendiri. Kita mendapat pandangan daripada pihak-pihak yang ada kaitan dan berkepentingan seperti pihak sekolah, pemimpin masyarakat dan NGO. Banyak input yang mereka berikan telah diambil kira dalam PIPP. Keduanya, sebaik sahaja dipersetujui Jemaah Menteri, kita mengadakan bengkel-bengkel dan usaha ini berterusan. Saya baru berjumpa dengan wakil-wakil rakyat, berbincang tentang apa yang dibangkitkan oleh pemimpin-pemimpin di peringkat akar umbi. Buat permulaan, saya tidak mengharapkan ia difahami lebih meluas tetapi cukup sekadar menumpukan kepada kawasan masing-masing. Hendak mengatakan mereka boleh menyelesaikan semua masalah adalah mustahil. Jadi bergantung kepada bagaimana ia dapat diterjemahkan dengan lebih mudah agar apa yang dilakukan ini juga memenuhi kehendak masyarakat setempat.

Pada pandangan Datuk Seri, apakah masalah terbesar dan menjadi kekangan kejayaan PIPP?

HISHAMMUDDIN: Masalah terbesar bagi saya secara peribadi ialah untuk menyedai satu pelan yang realistik, yang praktikal, yang mudah. Isu-isu pendidikan begitu kompleks dan melibatkan ribuan guru, jutaan pelajar dan sekolah. Dan semuanya ada



"Salahkan saya jika PIPP gagal"

Mukadimah

UM - 15/7/2007

KESUNGGUHAN Kementerian Pelajaran menjayakan Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) terbukti apabila Menteri, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein menunaikan janji untuk mengumumkan secara terbuka pencapaian atau prestasi kad laporan pelan itu selepas enam bulan ia dilaksanakan.

Biar pun tempoh enam bulan terlalu awal untuk menentukan kejayaan PIPP, tetapi langkah yang diambil, menunjukkan betapa program yang dirangka dengan cukup rapi itu tidak boleh gagal.

Malah dalam temu bual yang diadakan di pejabatnya di Putrajaya Khamis lalu, Hishammuddin dengan tegas mengatakan, "Saya bertanggungjawab secara langsung untuk PIPP ini. Gagalnya PIPP salahkan saya."

Hakikatnya, Kementerian Pelajaran adalah kementerian pertama yang menyahut cabaran berani melaporkan pencapaian mereka di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9).

Menurut laporan fasa pertama yang diumumkan tersebut, sebanyak 4,639 projek infrastruktur pendidikan RMK-9 atau merangkumi 27.7 peratus daripada 16,735 projek baru bernilai RM20.704 bilion telah berjaya dilaksanakan.

Selain mengulas tentang pencapaian awal PIPP tersebut, Hishammuddin turut menjelaskan kegunaan-kegunaan awal yang dihadapi oleh Kementerian Pelajaran.

Kesempatan menemui bual Hishammuddin turut mendorong wartawan AZMAN ANUAR, SITI MARIAM MD ZAIN, YULPISMAN ASLI dan jurugambar HAYAT SUEET bertanyakan isu politik yang berkaitan dengan Pergerakan Pemuda UMNO yang dipimpin oleh beliau. Ia termasuk tentang Khairy Jamaluddin yang disebut-sebut sebagai penggantinya sebagai Ketua Pergerakan Pemuda UMNO, perjalanan politik beliau dan persediaan jentera Pemuda dalam menghadapi pilihan raya umum.

Namun bagi Hishammuddin masih terlalu awal untuk memperkatakan perkara tersebut kerana baginya yang penting sekarang ialah tumpuan kepada menghadapi pilihan raya umum akan datang. Ini kerana pilihan raya umum akan tiba lebih dahulu daripada pemilihan pucuk pimpinan UMNO.

"Kita tidak boleh membenarkan isu-isu seperti ini mengalih perhatian kita kepada persiapan pilihan raya," katanya. Ingatan beliau: "Saya selalu menekankan betapa tinggi pun jawatan, kalau parti kalah, tidak dihormati, ianya tidak akan membantu kita sebagai seorang individu, sebagai seorang pemimpin. Memimpin kepada sebuah parti yang orang tidak hormat, tidak guna."

DATUK SERI HISHAMMUDDIN TUN HUSSEIN

masalah yang pelbagai dan semuanya ada pandangan masing-masing. Jadi, hendak mencari satu formula yang boleh diterima ramai secara mudah untuk difahami merupakan cabaran paling besar.

Secara keseluruhan bagi fasa pertama PIPP ini, apakah kelemahan ketara yang dihadapi?

HISHAMMUDDIN: Pertama, kekurangan tenaga kerja dan kepakaran. Di peringkat awal, kita hanya mempunyai 200 orang pegawai untuk mengendalikan lebih 16,000 projek. Keduanya, kerenah birokrasi, baik dalaman mahupun dengan pihak-pihak di luar kementerian. Bagi mengatasi masalah kekurangan tenaga kerja, kita telah melantik pegawai-pegawai tambahan secara kontrak. Ada juga pihak-pihak tertentu yang dilantik secara kontrak berdasarkan kepakaran dalam bidang-bidang tertentu. Bagi mengatasi masalah kerenah birokrasi, kita telah mengenal pasti individu-individu tertentu untuk mengetahui dan mengendalikan pelaksanaan setiap teras dalam PIPP. Bagi mengatasi masalah birokrasi dengan pihak di luar kementerian, saya meminta individu-individu yang dipertanggungjawabkan untuk setiap teras ini berhubung terus serta bekerjasama rapat dengan pegawai-pegawai dari kementerian dan agensi lain serta melibatkan mereka secara efektif dalam setiap mesyuarat pelaksanaan projek dan program yang berkaitan.

Mungkin ada masalah-masalah lain?

HISHAMMUDDIN: Ia banyak berhubung kait dengan faktor sejarah, polemik kaum, agama dan politik. Kadang-kadang sebab perkara ini sensitif, tetapi hakikatnya itulah akhirnya yang membelenggu kita. Tetapi Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi selalu mengingatkan kita kalau kita ikhlas, jujur, Tuhan akan tunjuk jalan penyelesaian. Keduanya, dalam apa juga impian dan dugaan, ada rahmatnya. Semua yang berlaku kalau kita belajar daripada pengalaman, ia akan membantu. Contoh, isu berhubung kait dengan disiplin, kalau tidak kerana kematian Allahyarham Farid dulu, tidak mungkin kita ada jawatankuasa seperti sekarang. Begitu juga isu keracunan makanan. Itu semua membantu kita melihat perkara-perkara yang perlu diurus. Kena ada *political will*.

Sekarang kita terpaksa bersaing dengan dunia. Kita memerlukan kesemua 23 juta manusia yang ada untuk berdepan dengan 1.3 bilion rakyat China. Kalau kita masih dibelenggu dengan isu-isu sama setiap tahun, akhirnya tidak akan memberi jati diri kepada anak-anak kita, kepada sistem pendidikan kita untuk bersaing di peringkat antarabangsa.

Di mana standard sistem pendidikan kita jika dibandingkan dengan dunia?

HISHAMMUDDIN: Jika dilihat secara mikro, kita selalunya memandang rendah apa yang ada pada kita. Tetapi orang luar melihat Malaysia sebagai contoh. Malam semalam (Rabu) saya bersama-sama Menteri Pendidikan Oman dan hari ini (Khamis) dia datang membuat lawatan pertama kali ke kementerian. Oman melihat Malaysia sebagai contoh. Dua minggu lepas, pemimpin Thailand datang berjumpa kerana mahu menggunakan kurikulum pendidikan agama kita. Ini dipersetujui di peringkat tertinggi kedua-dua negara, belum masuk lagi usaha kita melaksanakan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) - mengurangkan jurang digital antara bandar

Saya tidak akan berundur, saya buat apa yang terbaik, yang saya mampu. Ini mandat yang diberikan. Kalau tidak sesuai dengan kehendak majoriti, akhirnya mereka akan menurunkan saya

- Hishammuddin Tun Hussein

dan luar bandar. Sebab itu saya mahu menawarkan diri kepada UNESCO, supaya perkara-perkara ini dapat kita tonjol dan buktikan, bahawa sistem pendidikan kita sebenarnya boleh dibanggakan. Saya tidak kata sempurna, tetapi yang berlaku sekarang seolah-olah semua tidak kena, walhal dunia mengiktiraf kita. Dalam konteks PIPP, apa yang perlu dilakukan sekarang ialah membina asas-asas itu tanpa dibelenggu dengan isu-isu biasa, isu harian seperti disiplin, sakit perut disebabkan keracunan makanan dan sebagainya. Kerana timbalan-timbalan saya telah mengambil tanggungjawab mereka secara serius. Tetapi dari segi dasar, kita kena beri penekanan kerana ada pihak tidak bertanggungjawab mengambil kesempatan menyemarakkan semangat kaum, politik dan agama yang akhirnya akan menjejaskan anak bangsa itu sendiri.

Bukankah untuk menjayakan projek besar, aspek asas atau harian ini perlu diperbetulkan?

HISHAMMUDDIN: Saya tidak menidakkan yang asas, sebab itu kita melakukan dua pendekatan. Melonjakkan sekolah-sekolah kita ke peringkat antarabangsa merupakan pendekatan kedua. Pendekatan pertama ialah untuk menyamaratakan padang pendidikan kita, memberikan akses pendidikan kepada semua pelajar tidak kira di bandar atau luar bandar dan juga kaum atau agama. Saya tengok kepelbagaian itu sebagai satu kekuatan dan ia merupakan agenda utama untuk menyelesaikan masalah kebaki. Sebab itu dalam pelan induk ini, bukan kita hendak buat transformasi besar. Tidak. Temanya 'Merintis Perubahan, Satu Visi Nasional'. Maknanya kita selesaikan dahulu perkara yang belum selesai. Sekolah yang tiada elektrik, tiada air, kurang cikgu, kita beri keutamaan. Tetapi pada masa yang sama sekolah yang sudah cemerlang, yang dianggap antarabangsa, takkan mereka hendak tunggu lima tahun sebelum kita menganjakkan kepada tahap yang lebih tinggi. Jadi pendekatan kedua ialah memberi tumpuan kepada kelompok sekolah yang cemerlang dengan harapan sekolah-sekolah ini dapat dianjakkan tanpa menunggu sekolah-sekolah lain kita angkat ke tahap yang sama rata tadi.

Kepada yang masih tidak faham tentang matlamat PIPP, apa mesej hendak disampaikan?

HISHAMMUDDIN: Saya tidak akan berundur, saya buat apa yang terbaik, yang saya mampu. Ini mandat yang diberikan. Kalau tidak sesuai dengan kehendak majoriti, akhirnya mereka akan menurunkan saya. Tetapi selagi saya mempunyai perancangan yang jelas dan mereka tidak dapat mempertikaikannya, selain benda-benda kecil, saya tidak kisah sangat. Biarlah mereka 'melalak melolong' sebab kita ada agenda negara lebih besar dan penting.

Dalam tempoh enam bulan akan datang, apa yang Datuk Seri harapkan?

HISHAMMUDDIN: Ia mengikut tumpuan-tumpuan yang telah kita putuskan. Ada banyak lagi aspek belum sempat kita laporkan. Contohnya isu-isu membina negara bangsa akan ditekankan dalam bulan Ogos. Keduanya, kita akan kongsi bersama dengan negara-negara jiran bagi menunjukkan kejayaan kita selama ini. Kadang-kadang kita memerlukan orang luar untuk menunjukkan apa yang ada pada kita. Bulan September, kita akan menekankan kepada pendidikan khas, teknikal dan vokasional kerana bukan semua boleh ke universiti. Bulan Oktober (Ramadan), pendidikan agama. Kalau Thai mahu melihat pendidikan agama kita sebagai pakej yang boleh mereka gunakan untuk sedikit sebanyak membantu meredakan keadaan di selatan Thai, takkan kita sendiri tidak mengiktiraf apa yang kita lakukan. Saya akan umumkan berapa banyak sekolah yang telah mengadakan J-Qaf, sekolah agama rakyat dan sekolah agama negeri yang sanggup didaftarkan di seluruh negara di bawah kementerian. November dan Disember, penekanan untuk memperkasakan sekolah kebangsaan (SK). Saya nak tekankan bahawa SK merupakan aliran utama dan alhamdulillah mendapat sokongan padu semua parti komponen BN. Saya hendak lihat komitmen mereka terhadap agenda ini. Disember nanti, kad laporan kedua akan dibentangkan.

Maksudnya, kad laporan tidak boleh gagal?

HISHAMMUDDIN: Memang tidak boleh gagal. Kerana pertamanya, saya cuba meletakkan sasaran yang begitu realistik, bukan menggunung atau suatu yang susah, bukan berada di langit. Ia bersandarkan kepada peruntukan yang diberi. Kerajaan beri RM23 bilion tetapi apa yang kita perlukan di peringkat awal (dua tahun lepas) ialah RM80 bilion. Bayangkan bezanya. Apa yang saya harap dapat lakukan dengan apa yang boleh saya lakukan mengikut peruntukan itu. Apa pun, saya percaya kita berada di landasan yang betul. Jadualnya memihak kepada kita, asalkan tiada masalah-masalah luaran seperti kos diesel naik. Untuk menaik taraf elektrik memerlukan peruntukan sebanyak RM1 bilion. Kita kena cari jalan lain untuk membekalkan elektrik ke sekolah-sekolah. Pilihan sekarang ialah menggunakan solar dan set generator. Mungkin kita buat projek rintis dulu. Ini sedikit sebanyak akan menjadi halangan untuk memperluaskan usaha-usaha sebegini. Ketegasan ini semua datang terus dari hati saya. Saya bertanggungjawab secara langsung untuk PIPP ini. Gagalnya PIPP salahkan saya. Sebab saya yang bertanggungjawab terhadap kementerian. Idea-idea mungkin datang daripada orang lain tetapi saya memutuskan mana boleh dan mana tidak. Walaupun setakat ini nampaknya kita agak berjaya tetapi perjalanan kita masih jauh. Kita memerlukan banyak stamina untuk meneruskan momentum yang ada. Paling penting, kita tidak boleh kehilangan arah atau fokus.